



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

KES PENGARAH SYARIKAT ELAK BAYAR CUKAI MASIH BELUM SELESAI

Cyberjaya, 22 September - Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memberikan penjelasan mengenai laporan media berkenaan kes saman yang difailkan oleh pihak LHDNM terhadap seorang pengarah syarikat yang didakwa mengelak membayar cukai pendapatan berjumlah RM459,475.50 hari ini di Mahkamah Majistret Pulau Pinang adalah **tidak tepat**. Sebagai makluman, kes tersebut masih **belum selesai** dan mahkamah telah memberikan satu tarikh sebutan baru iaitu pada 26 November 2015.

Orang Kena Saman (OKS) Kun Beng Teik, 52 tahun, yang merupakan Pengarah Syarikat North Malaya Laboratory Sdn. Bhd. telah dituduh di bawah seksyen 114 (1)(a) Akta Cukai Pendapatan 1967 kerana tidak melaporkan pendapatan berjumlah melebihi RM 2.07 juta bagi tahun taksiran 2007 hingga 2012 yang melibatkan cukai terkurang lapor sebanyak hampir RM 0.5 juta.

Peguam LHDNM, Puan Norzilah Abd Hamid memaklumkan pada mahkamah bahawa OKS memohon kes diselesaikan di luar mahkamah secara pembayaran kompaun dan OKS bersetuju untuk membuat bayaran bagi cukai terkurang dan penalti khas secara ansuran. Pihak LHDNM bersetuju untuk mempertimbangkan permohonan ini sekiranya kesemua bayaran ansuran tersebut berjaya dijelaskan sepenuhnya oleh OKS.

Sekiranya bayaran ansuran tersebut gagal dijelaskan oleh OKS, maka pihak LHDNM akan meneruskan tindakan pendakwaan ke atas OKS seperti mana dalam pertuduhan.

Jika sabit kesalahan, OKS boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang RM1,000 dan tidak melebihi RM20,000 atau penjara maksimum 3 tahun atau kedua-duanya sekali dan dikehendaki untuk membayar penalti khas sebanyak tiga kali amaun cukai terkurang lapor.

OKS tidak hadir pada perbicaraan mahkamah hari ini dan diwakili oleh peguam Norazira Ab. Rahman.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan oleh:

Masrun Bin Maslim | Pegawai Perhubungan Awam (Media)

Bahagian Komunikasi Korporat & Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat |

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

☎ : 03-8313 8888 samb. 21326 / 21333 | 📠 : 03-8313 7836

Pusat Panggilan : 1-800-88-5436 (LHDN)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh : 22 September 2015